

**SEJARAH WALLACE BAY  
PULAU SEBATIK  
(1954-1985)**

**RAFIDAH BINTI ARAS  
HA2006-2425**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah Ini Dikemukakan Untuk  
Memenuhi Syarat Memperolehi Ijazah Sarjana  
Muda Dengan Kepujian**

**PROGRAM SEJARAH  
SEKOLAH SAINS SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
SESI 2008/2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

1400017111



183375

PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: Segarlah Wallace bay pulau Sebatik  
(1984-1985)

IJAZAH: SERTJANA MUDA SAINS SOSIAL

SAYA RAFIDAH BINTI ARAS  
(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

^mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hakmilik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institutsi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

[Signature]  
(TANDATANGAN PENULIS)

[Signature]  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap: \_\_\_\_\_

EN. MAD. SAFFIE

Nama Penyelia

Tarikh: 8 Jun 09

Tarikh: 8 Jun 2009

CATATAN:- \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

PERPUSTAKAAN UMS sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara isertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana



1400017111



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **PENGAKUAN**

Saya mengaku bahawa Latihan Ilmiah ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang setiap satunya telah saya nyatakan jenis sumbernya.


**RAFIDAH BINTI ARAS**  
**HA2006-2425**  
**8 JUN 2009**



## PENGESAHAN

Dengan ini saya mengesahkan bahawa latihan ilmiah ini telah ditulis oleh Rafidah Binti Aras (HA2006-2425) yang bertajuk Sejarah Wallace Bay, Pulau Sebatik (1954-1985) dan telah diselia oleh saya sebagai sebahagian daripada syarat-syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Sains Sosial Dengan Kepujian, Universiti Malaysia Sabah.

Tandatangan Penyelia,



En. Md. Saffie Abdul Rahim

8 JUN 2009



## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Syukur dipanjatkan ke hadrat Illahi yang Maha Agung lagi Maha Besar kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, penulis akhirnya dapat menyiapkan tesis ini. Syukur yang tidak terhingga juga kepadaNya kerana menganugerahkan kekuatan fizikal dan mental kepada penulis untuk terus berjuang menyiapkan tugas ini hingga ke penghujung.

Di kesempatan ini, penulis ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang memberikan bantuan dan dorongan sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Pertama sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada En. Md. Saffie Abdul Rahim selaku penyelia utama kajian ini. Tanpa bantuan, tunjuk ajar dan bimbingan daripada beliau, mana mungkin penulis mampu untuk terus menyiapkan kajian ini hingga ke akhirnya. Jutaan terima kasih juga diucapkan khas kepada semua pensyarah HA24 Sejarah atas segala bakti yang dicurahkan sepanjang tempoh pengajian dan penghasilan tesis di universiti ini.

Di ruangan ini, penulis juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada seluruh warga penduduk Kampung Wallace Bay yang tidak jemu-jemu menghulurkan bantuan sepanjang penghasilan tesis ini terutamanya kepada responden-responden penulis. Antaranya ialah Encik Abdul Rahman Bin Sudin, Encik Jaini Bin Basrun dan Encik Korolus Raya. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pihak Muzium Sabah, Arkib Negeri Sabah, Majlis Perbandaran Tawau, Jabatan Tanah dan Ukur Cawangan Tawau, Perpustakaan Tawau, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah, Perpustakaan Sains Sosial, S.K Wallace Bay dan semua badan-badan ataupun individu yang terlibat dalam memberikan bantuan dan panduan kepada penulis semasa menjalankan kajian ini.

Penghargaan yang istimewa dan jutaan terima kasih tidak lupa ditiptkan khas kepada ayahanda dan bonda yang tercinta iaitu Encik Aras Bin Muhamad dan Puan Fatimah Binti Hj. Harun. Terima kasih atas segala dorongan, nasihat dan panduan yang kalian berikan tanpa henti kepada penulis semasa menghasilkan kajian ini dan dalam meniti kehidupan sebagai seorang pelajar. Terima kasih yang tidak terhingga juga khas buat adik-adik tersayang (Nur Ashikin, Nur Sahidah, M. Hishamuddin dan M. Hakimi Ncquddin) termasuklah semua ahli keluarga yang dikasihi di atas segala bantuan yang kalian hulurkan tanpa rasa jemu kepada penulis semasa menghasilkan tesis ini.

Buat rakan-rakan seperjuangan, terima kasih atas segala bantuan, buah fikiran dan semangat yang diberikan. Tanpa anda semua, sudah pasti penulis tidak dapat melaksanakan tugas ini sebaik mungkin. Akhirul Kalam, terima kasih sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat dalam penghasilan tesis bertajuk Sejarah Wallace Bay, Pulau Sebatik (1954-1985) ini. Sesungguhnya, jasa kalian amatlah dihargai, disanjung tinggi dan akan dikenang sampai bila-bila.



## ABSTRAK

### SEJARAH WALLACE BAY (1954-1985)

Kajian ini membincangkan Sejarah Wallace Bay yang bermula dari tahun 1954 sehinggalah pada tahun 1985. Kajian merangkumi latar belakang, aspek ekonomi dan juga pembangunan sosial. Secara umumnya, kajian ini memfokuskan kepada sejarah awal penubuhan petempatan Wallace Bay iaitu bermula dari sebuah perkampungan yang terletak di pulau yang agak terpencil sehinggalah menjadi sebuah petempatan yang menjadi tumpuan ramai. Bermula dengan tahun 1954, kajian ini menyelongkar sejarah awal petempatan Wallace Bay yang dikaitkan dengan sejarah keluarga Wallace iaitu keluarga Diraja Scotland yang terlibat dengan perdagangan antarabangsa. Kajian ini juga turut merangkumi aspek ekonomi yang tidak dinafikan menjadi satu momentum yang cukup signifikan dalam era pembangunan Wallace Bay sejak tahun 1954. Justeru, kajian ini turut membincangkan mengenai Syarikat The North Borneo Timbers Berhad iaitu sebuah syarikat pembalakan yang realitinya telah bertindak sebagai pemangkin kepada kewujudan dan perkembangan Kampung Wallace Bay secara menyeluruh yang meliputi aspek ekonomi serta pembangunan sosial sehinggalah pada tahun 1985.



**SINGKATAN**

BBTCL	<i>Bombay Burmah Trading Corporation Limited</i>
BNB	<i>British North Borneo</i>
Co.	<i>Cooperation</i>
C.I.F	<i>Cost, Insurans &amp; Frade</i>
Cu.ft	<i>Cubic Feet</i>
En.	Encik
F.O.B	<i>Free On Board</i>
JKKK	Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung
KM	Kilometer
LCE	<i>Lower Certificate Education</i>
MCE	<i>Malaysia Certificate Education</i>
SBBUB	Syarikat Berpiagam Borneo Utara British
Sdn. Bhd.	Sendirian Berhad
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
S.R.J.K	Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan
SRP	Sijil Rendah Pelajaran



## SENARAI JADUAL

### Halaman

Jadual 4.1: Senarai Jumlah Murid S.R.J.K Wallace Bay (1979)	90
Jadual 4.2: Senarai Murid S.R.J.K Wallace Bay (1980)	91
Jadual 4.3: Senarai Murid S.R.J.K Wallace Bay (1982)	92
Jadual 4.4: Senarai Murid S.R.J.K Wallace Bay (1983)	93
Jadual 4.5: Senarai Nama Guru S.R.J.K Wallace Bay (1980-1984)	96





## ISI KANDUNGAN

### Halaman

HALAMAN TAJUK		
PENGAKUAN		
PENGESAHAN		
PENGHARGAAN	i	
ABSTRAK	ii	
SINGKATAN	iii	
ISI KANDUNGAN	iv	
SENARAI JADUAL	v	
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>		
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Permasalahan Kajian	3
1.3	Tujuan Kajian	3
1.4	Skop Kajian	4
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.6	Kaedah Kajian	5
1.7	Sorotan Literatur	6
1.8	Struktur Tesis	
<b>BAB 2 SEJARAH AWAL KAMPUNG WALLACE BAY</b>		
2.1	Pendahuluan	18
2.2	Kedudukan Geografi	19
2.3	Asal-usul Wallace Bay	27
2.4	Latar Belakang Keluarga Wallace	30
2.5	Kronologi Pembentukan Wallace Brothers	33
2.6	Demografi Penduduk Wallace Bay	41



**BAB 3 SEJARAH EKONOMI KAMPUNG WALLACE BAY**

3.1	Pendahuluan	46
3.2	Kegiatan Ekonomi	47
3.2.1	Sektor Pertanian Dan Penternakan	48
3.2.2	Sektor Perikanan	50
3.2.3	Sektor Perhutanan	52
	i) Aktiviti Memburu	52
	ii) Aktiviti Pembalakan	53

**BAB 4 PEMBANGUNAN SOSIAL**

4.1	Pendahuluan	83
4.2	Kemudahan Sosial	84
4.2.1	Pendidikan	85
4.2.2	Kesihatan	98
4.2.3	Perumahan	101
4.2.4	Keselamatan	103
4.2.5	Pelabuhan	105
4.2.6	Masjid Dan Gereja	109
4.2.7	Kemudahan Rekreasi	110

**BAB 5 KESIMPULAN** 113**LAMPIRAN** 117**RUJUKAN** 152

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 Pendahuluan

Tawau dari segi kedudukan geografinya berkongsi sempadan dengan Kalimantan Indonesia yang terletak di bahagian Selatan sementara lautnya pula dikelilingi oleh Laut Sulu di Timur dan juga Laut Sulawesi di Selatan. Sejarah awal berkaitan dengan Tawau masih kurang jelas dan agak terhad faktanya. Walau bagaimanapun, mengikut sumber British, Tawau telah terangkum dalam lakaran peta British seperti yang tertera dalam peta Kepulauan Borneo ialah pada tahun 1857.<sup>1</sup> Memandangkan potensi Tawau dalam sektor ekonomi dianggap sebagai amat baik oleh British, usaha untuk menguasai Tawau sentiasa dianggap sebagai perlu oleh kuasa British ini. Justeru, pada 22 Januari 1878, Tawau yang sebelum ini di bawah tampuk pemerintahan Kesultanan Sulu telah diserahkan kepada pihak British. Kemudiannya dalam *The North Borneo Annual Volume* (1955-1965), dicatatkan bahawa petempatan pertama dibina di Tawau bermula pada tahun 1892 apabila sebuah perkampungan kecil nelayan yang dihuni seramai 200 orang penduduk wujud di daerah berkenaan. Sejak itu, Tawau telah menjadi sebahagian daripada jajahan Inggeris melalui SBBUB. Pada tahun 1931, jumlah penduduknya meningkat sehingga 1840 dan jumlah tersebut semakin meningkat sehingga mencecah 400 200 orang pada tahun 1997. Sungguhpun demikian, sistem pentadbiran di Tawau dipercayai bermula pada tahun 1892 apabila SBBUB membuka petempatan di kawasan ini dan telah mewujudkan asas-asas pentadbiran kerajaan tempatan di situ. Bajau, Tidong dan imigran seperti Bugis, Banjar dan Cina merupakan antara etnik yang tinggal menetap di Daerah Tawau.

---

<sup>1</sup> Suraya Sintang, *Sejarah & Budaya Bugis Di Tawau Sabah*, Kota Kinabalu: Penerbit UMS dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Bugis Sabah (PKBS), 2007, hlm. 15-16.



Pulau Sebatik merupakan salah sebuah pulau yang terletak dalam pentadbiran Tawau sejak British menguasai pentadbiran daerah berkenaan pada tahun 1878. Pulau ini mempunyai beberapa perkampungan. Antaranya ialah Kampung Wallace Bay, Mentadak Baru, Sungai Tamang, Bergosong, Sungai Tongkang dan juga Sungai Pukul. Kampung Wallace Bay merupakan salah sebuah kawasan petempatan yang terletak di Pulau Sebatik, Tawau. Wallace Bay mempunyai purata suhu tahunan  $26^{\circ}\text{C}$  atau  $78.8^{\circ}\text{F}$ , terletak pada kedudukan  $4^{\circ} 15' 0'' \text{N}$ ,  $117^{\circ} 40' 0'' \text{E}$  dan mempunyai keluasan seluas 198.63 hektar. Kampung Wallace Bay dianggap sebagai pusat tumpuan pembangunan di Pulau sebatik memandangkan di kampung berkenaan terletaknya syarikat pembalakan yang dikenali sebagai The North Borneo Timbers Berhad pada tahun 1953.<sup>2</sup> Kewujudan syarikat pembalakan ini sekali gus telah menjadi nadi pembangunan ekonomi di pulau Sebatik.

Asal usul nama Kampung Wallace Bay adalah hasil gabungan "Wallace" dan "Bay". Wallace merujuk kepada nama keluarga ahli perniagaan Diraja Scotland yang telah memulakan dan memperkembangkan perusahaan kayu balak di kawasan ini melalui Syarikat The North Borneo Timbers Berhad. Manakala Bay pula merujuk kepada perkataan "teluk" kerana petempatan ini terletak di kawasan teluk. Kekayaan dengan sumber kayu balak telah menyebabkan kawasan ini telah diterajui dan menjadi penempatan bagi Syarikat North Borneo Timbers Berhad yang seterusnya dikenali sebagai Wallace Bay Sdn. Bhd. Wallace Bay Sdn. Bhd. telah dibuka pada 01 Januari 1953 dan kawasan ini mulai dikenali sebagai Kampung Wallace Bay setelah Syarikat The North Borneo Timbers Berhad ditutup pada tahun 1985. Penutupan syarikat ini telah menyebabkan "Wallace Bay Sdn. Bhd." telah diubah kepada "Kampung Wallace Bay". Semasa era pengambilalihan syarikat ini sehingga pada tahun 1985, kira-kira 500 buah keluarga telah menjadi penghuni di kawasan ini. Tidong, Banjar, Bugis, Suluk, India, Timor, Kenyah dan juga orang Burma merupakan antara etnik yang mendiami perkampungan ini.

---

<sup>2</sup> Borneo Mail, *Barter Trade Center Plan for Sebatik Island*, 1996.



## 1.2 Permasalahan Kajian

Kekayaan sumber hutan dan kedudukan yang strategik telah menjadi faktor yang membawa kepada pembukaan kampung Wallace Bay sebagai pusat petempatan dan pembangunan ekonomi di Pulau Sebatik sejak tahun 1954. Berikutan itu, menyebabkan wujudnya petempatan yang dikenali sebagai Kampung Wallace Bay. Walau bagaimanapun pembangunan ekonomi di kampung berkenaan masih lagi kurang diberi perhatian sehinggalah tamatnya operasi perusahaan Syarikat North Borneo Timbers Berhad pada tahun 1985. Malahan sehinggalah Sabah mencapai kemerdekaan pada tahun 1963, perhatian pihak pemerintah seolah-olah masih lagi kurang terarah untuk membangunkan kampung ini walaupun sehingga tahun 1985 petempatan di Kampung Wallace Bay sudah lama wujud.

Justeru, melalui pernyataan permasalahan tersebut, maka wujud beberapa persoalan dalam kajian ini. Antaranya ialah seperti bagaimanakah sejarah awal Kampung Wallace Bay. Selain daripada itu, persoalan lain ialah bagaimanakah corak perkembangan kegiatan ekonomi dan pembangunan sosial di Kampung Wallace Bay sejak tahun 1954 sehinggalah pada tahun 1985.

## 1.3 Tujuan Kajian

Jika dilihat daripada permasalahan kajian di atas, telah jelas diterangkan bahawa kajian ini bertujuan untuk mengetahui sejarah awal kewujudan Kampung Wallace Bay dari tahun 1954 sehingga pada tahun 1985. Umumnya, kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengetahui sejarah Kampung Wallace Bay secara menyeluruh dari segi struktur pentadbiran, ekonomi dan juga sosial. Oleh yang demikian, untuk mencapai tujuan tersebut, kajian ini telah menggariskan beberapa objektif yang dirasakan perlu disentuh. Antaranya ialah mengkaji sejarah kewujudan dan asal-usul Kampung Wallace Bay, menyelidik corak kegiatan ekonomi masyarakatnya, serta melihat bentuk pembangunan sosial yang wujud di petempatan tersebut.



## 1.4 Skop Kajian

Skop kajian bolehlah dibahagikan kepada dua iaitu skop tempat dan skop masa. Skop tempat dalam kajian ini ialah di Kampung Wallace bay yang terletak di Pulau Sebatik. Kampung Wallace Bay dipilih sebagai lokasi kajian memandangkan Kampung ini dianggap sebagai kampung terawal dan menjadi pusat pembangunan ekonomi di Pulau Sebatik sejak tahun 1950-an lagi.

Manakala dari segi skop masa, kajian ini memberi tumpuan kajian dari tahun 1954 sehinggalah tahun 1985. Tahun 1954 dipilih sebagai tempoh kajian memandangkan pada tahun tersebut Wallace Bay telah mengalami perubahan dari segi pembangunan ekonomi menerusi sebuah syarikat pembalakan antarabangsa. Kemudiannya, kajian ini dihadkan sehingga tahun 1985 kerana bermula pada tahun tersebut, ekonomi di Wallace Bay mula mengalami kemerosotan. Begitu juga dengan pembangunan sosial yang mula mengalami kemunduran.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Kajian dan penulisan mengenai sejarah Wallace Bay tidak dinafikan sememangnya amat kurang diketengahkan oleh para penyelidik lain sebelum ini. Walaubagaimanapun, berdasarkan hasil-hasil penulisan yang sedia ada, tidak ada satu pun karya penulisan yang menyentuh sejarah Wallace Bay secara khusus bermula daripada sejarah awal penubuhannya dan melibatkan pelbagai aspek seperti pentadbiran, ekonomi dan juga sosial. Oleh yang demikian, kajian ini diharapkan dapat mengisi kekosongan dan kelompangan yang tidak dimuatkan dalam mana-mana karya penulisan yang telah dihasilkan sebelum ini. Malah tidak dinafikan juga, kajian dan penulisan mengenai sejarah Wallace Bay, realitinya banyak dilaksanakan oleh para penyelidik dari negara luar. Tidak salah sekiranya sebagai rakyat tempatan kita cuba memikul tanggungjawab untuk menjalankan penyelidikan ini. Oleh yang demikian, kajian ini diharap dapat menambahkan koleksi bahan sejarah yang sedia ada.



Di samping itu, kajian ini juga perlu dilaksanakan sebagai tatapan generasi hari ini dan akan datang sebagai pengetahuan tambahan. Tidak dinafikan, ramai generasi hari ini yang tidak mengetahui kewujudan petempatan yang terletak di sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia ini. Seperti petempatan yang lain, Wallace Bay juga kaya dengan nilai sejarahnya yang tersendiri dan perlu diselongkar sehingga ke akar umbinya. Selain daripada itu, kajian ini juga penting sebagai perintis kepada kajian-kajian yang seterusnya di mana kajian ini bukan sahaja bermanfaat kepada para pelajar tetapi juga penting kepada pihak-pihak lain yang berkepentingan. Oleh sebab itu, kajian yang merangkumi sejarah awal termasuklah memuatkan aspek ekonomi dan sosial ini diharapkan dapat mengetengahkan Wallace Bay secara khususnya dan Pulau Sebatik secara amnya sebagai tatapan umum di samping menjadi bahan rujukan kepada pelbagai pihak.

## 1.6 Kaedah Kajian

Kaedah yang akan digunakan untuk menyiapkan kajian ini ialah dengan mengaplikasikan disiplin sejarah sebagai asas penyelidikan. Oleh sebab itu, untuk melaksanakan kajian ini, kaedah yang akan diaplikasikan ialah dengan menggunakan kaedah kajian penyelidikan arkib, kepustakaan dan juga kaedah kajian lisan.

Kaedah penyelidikan arkib perlu dilakukan bagi membolehkan bahan-bahan yang berbentuk sumber utama seperti dokumen-dokumen, surat-surat persendirian, fail-fail, laporan asal, prospektus dan *Herald* serta bahan-bahan lain yang tidak pernah diterbitkan dapat dirujuk. Bahan-bahan ini boleh diperolehi di Arkib Negeri Sabah, juga Arkib Negara Cawangan Sabah dan juga Majlis Perbandaran Tawau (MPT), Jabatan Pendidikan Tawau, dan Pejabat Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) Wallace Bay. Manakala bagi kaedah penyelidikan kepustakaan, beberapa sumber kedua akan dirujuk seperti buku dan artikel serta bahan-bahan lain yang telah diterbitkan yang boleh diperolehi di Perpustakaan Daerah Tawau, Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Perpustakaan Sekolah Sains Sosial UMS, Perpustakaan Tun Fuad dan Perpustakaan Kota Kinabalu.



Kaedah temubual juga turut diaplikasikan dengan menemubual penduduk tempatan termasuklah ketua kampung dan ahli jawatankuasa kampung. Kaedah ini juga akan dijalankan untuk menemubual penduduk lain yang pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung sebagai penerima perubahan dan perkembangan dalam aspek ekonomi dan sosial dalam ruang lingkup masa 1954-1985. Antaranya termasuklah menemubual individu-individu yang pernah bekerja dengan pihak British di bawah Syarikat The North Borneo Timbers Berhad.

## 1.7 Sorotan Literatur

Penyelidikan awal mengenai Kampung Wallace Bay secara khusus yang merangkumi aspek ekonomi dan juga pembangunan sosial dalam ruang lingkup 1954-1985 tidak pernah dilakukan oleh penyelidik lain sebelum ini. Kalau ada pun, kajian yang dilakukan hanyalah menyentuh aspek-aspek tertentu secara ringkas sahaja.

Kajian yang telah dilakukan oleh Tregonning K.G.<sup>3</sup> seawal tahun 1960 tidak dinafikan amat penting dalam mengimplementasikan penyelidikan mengenai sejarah Kampung Wallace Bay. Secara umumnya, kajian ini juga turut menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang Tawau secara ringkas. Apa yang lebih penting, kajian ini juga turut menyentuh mengenai penubuhan sebuah gudang untuk menyimpan pelbagai spesis kayu balak yang terdapat di Pulau Sebatik.<sup>4</sup> Malah, gudang tersebut juga turut dijadikan tempat menyimpan arang batu sementara waktu sebelum dibawa keluar untuk tujuan pengkomersialan. Perihal pelabuhan-pelabuhan yang berada di bawah pentadbiran dan pengurusan British di Borneo Utara pada ketika itu juga turut disentuh dalam kajian ini. Salah-satu daripadanya ialah pelabuhan yang dikenali sebagai Wallace Bay iaitu sebuah pelabuhan dan dermaga yang terletak di Pulau Sebatik.<sup>5</sup>

---

<sup>3</sup> Tregonning, K.G., *North Borneo*, University of California: H.M. Stationery Off, 1965.

<sup>4</sup> *Ibid.*, hlm. 233.

<sup>5</sup> *Ibid.*





Namun demikian, kajian ini hanya menyentuh aspek ekonomi yang berasaskan pembalakan dan juga aktiviti-aktiviti di pelabuhan sahaja. Kajian ini tidak menyentuh dan mengkhususkan sejarah Wallace Bay bermula daripada sejarah awal penubuhannya termasuklah aspek-aspek lain seperti pembangunan sosialnya. Secara relevannya, untuk mengkaji sejarah ekonomi Wallace Bay, kajian ini tidak dinafikan amat sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan asas. Malah, kajian ini bukan sahaja sesuai diaplikasikan untuk melihat perkembangan ekonomi berkaitan dengan aktiviti pembalakan di Wallace Bay bahkan kajian ini juga realitinya turut memperlihatkan tahap perkembangan ekonomi secara lebih khusus dan bagaimana kesannya terhadap masyarakat tempatan pada era tersebut.

Selain daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Pointon A.C.<sup>6</sup> pada tahun 1964 juga amat berguna sebagai salah satu bahan rujukan untuk menyempurnakan kajian di Wallace Bay. Dalam karya penulisan ini, penulis memfokuskan kajian beliau terhadap kegiatan ekonomi kapitalis yang dikenali sebagai The Bombay Burmah Trading Corporation Limited yang juga dimiliki oleh British. Dalam penulisan ini, penyelidik juga turut menyentuh perihal sejarah awal petempatan Wallace Bay dengan menceritakan bagaimana adik-beradik Wallace telah menemui sebuah teluk dan seterusnya dikenali sebagai Wallace Bay bersempena dengan nama keluarga mereka iaitu "Wallace".

Walaubagaimanapun, perincian terhadap sejarah awal penubuhan Wallace Bay tidak dilakukan secara lebih mendalam. Kajian ini hanya menyentuh secara ringkas mengenainya hanya dengan memerihalkan sedikit latar belakang keluarga Wallace iaitu sebagai ahli perniagaan Diraja Scotland. Realitinya, kajian ini lebih memfokuskan kepada sejarah, peranan, matlamat dan aktiviti ekonomi BBTCL. Sejarah perkembangan Wallace Bay yang seterusnya juga kurang disentuh terutamanya dalam aspek pembangunan sosial. Namun begitu, tidak dinafikan kajian penulis ini juga penting dan relevan terutamanya untuk menyelongkar serba sedikit sejarah asal-usul dan latar belakang penubuhan Wallace Bay di samping mengetahui serba sedikit perihal kegiatan ekonomi

---

<sup>6</sup> Pointon A.C., *The Bombay Burmah Trading Corporation Limited 1863-1963*, Michigan: Millbrook Press, 1964.



British sebelum mengusahakan operasi pembalakan menerusi Syarikat The North Borneo Timbers Berhad.

Kajian lain yang juga tidak kurang pentingnya adalah kajian yang dilakukan oleh *Great Britain Army Royal Green Jackets Brigade*<sup>7</sup> pada tahun 1967. Dalam kajian ini, penulis-penulis yang terdiri daripada askar-askar Britain turut menyentuh mengenai penubuhan ibupejabat oleh Syarikat The North Borneo Timbers Berhad yang didirikan di Wallace Bay. Selain berfungsi sebagai "markas utama" di Wallace Bay, *ibupejabat* tersebut juga turut berfungsi sebagai pusat pentadbiran bagi Kem Kalabakan iaitu sebuah lagi kawasan konsesi bagi syarikat tersebut untuk menjalankan aktiviti pembalakan di Sabah pada ketika itu.<sup>8</sup> Walaubagaimanapun, penulisan ilmiah ini umumnya hanya menyentuh perihal ketenteraan sahaja. Tidak dapat disangkal, kajian ini sememangnya memberikan informasi-informasi yang amat diperlukan untuk menyempurnakan kajian seterusnya terutamanya mengenai corak pentadbiran Syarikat The North Borneo Timbers Berhad ketika syarikat kapitalis tersebut mengambilalih Wallace Bay menerusi perjanjian selama 99 tahun. Oleh sebab itu, penulisan ini sangat signifikan dijadikan sebagai bahan rujukan terutamanya dalam melihat perkembangan awal dan struktur pembentukan pentadbiran sebuah syarikat pembalakan British di Wallace Bay.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Small D.S. bersama James H.D.<sup>9</sup> pada tahun 1971 juga adalah antara bahan rujukan yang signifikan dalam menjalankan kajian di Kampung Wallace Bay. Secara keseluruhannya, kajian ini lebih fokus terhadap sejarah konfrontasi Malaysia-Indonesia di Pulau Sebatik. Walaubagaimanapun, penulisan yang berbentuk sejarah Borneo ini juga turut membincangkan perihal Pelabuhan Cowie di samping turut menerangkan mengenai latar belakang Pulau Sebatik dari sudut Geografi secara ringkas sebagai sebuah pulau yang terletak dalam sempadan

<sup>7</sup> Great Britain Army Royal Green Jackets Brigade, *The Royal Green Jackets Chronicle (vol. 2)*, Michigan: University of Michigan, 1967.

<sup>8</sup> *Ibid.*, hlm. 49.

<sup>9</sup> Small D.S. & James, H.D., *The Undeclared War: The Study of The Indonesian Confrontation 1962-1966*, United Kingdom: Leo Cooper, 1971.



antarabangsa Malaysia-Indonesia. Dalam kajian ini, penulis turut menyentuh secara ringkas mengenai sebuah petempatan yang dikenali sebagai Wallace Bay yang terletak di utara Pulau Sebatik.<sup>10</sup> Di samping itu, kajian ini juga turut menyentuh perihal petempatan Wallace Bay yang ketika itu berperanan sebagai stesen pembalakan terpenting di Tawau.<sup>11</sup>

Walaupun bagaimanapun, hasil penulisan ilmiah ini tidak menyentuh mengenai Wallace Bay sama ada dari aspek sejarah awal penubuhannya mahupun aspek-aspek yang berkaitan dengan pembangunan sosial. Walaupun penulisan ini menyentuh perihal ekonomi namun kajian ini tidak mengupas aktiviti ekonomi di Wallace Bay secara lebih spesifik dalam ruang lingkup tahun 1954-1985. Sungguhpun demikian, kajian penulis-penulis ini juga penting dan tidak dinafikan sangat signifikan sebagai perintis kepada kajian-kajian yang seterusnya. Realitinya, penulisan ini sangat relevan diaplikasikan sebagai bahan rujukan terhadap kajian seterusnya untuk mengkaji sejarah ekonomi. Malah, kajian ini juga amat penting kerana penulis turut menyentuh mengenai tahap perkembangan ekonomi yang wujud di Wallace Bay menerusi aktiviti pembalakan.

Sebuah lagi karya penulisan yang dihasilkan oleh Pointon, A.C.<sup>12</sup> pada tahun 1974 juga tidak kurang hebatnya. Kajian yang memfokuskan kepada sejarah *Wallace Brothers* ini sememangnya wajar dan sangat signifikan untuk dijadikan bahan rujukan untuk mengkaji sejarah petempatan Wallace Bay. Dalam kajian ini, penulis turut memfokuskan kepada aspek-aspek mengenai pembabitan awal keluarga Wallace dalam dunia perdagangan antarabangsa. Malah, penulis juga turut memperincikan mengenai sejarah penubuhan syarikat kapitalis yang terbentuk antara keluarga Scotland tersebut dengan pedagang-pedagang dari India dan Burma di samping turut menyentuh mengenai syarikat-syarikat antarabangsa lain yang berada di bawah teraju *Wallace Brothers* secara kronologi. Selain itu, penulis juga turut merungkaikan perihal

---

<sup>10</sup> *Ibid.*, hlm. 93.

<sup>11</sup> *Ibid.*

<sup>12</sup> Pointon, A.C., *Wallace Brothers*, Oxford: University Press Oxford, 1974.



perkembangan perdagangan minyak, tekstil dan aktiviti pembalakan secara menyeluruh yang dikemudikan oleh enam orang anak lelaki Wallace. Penulisan ilmiah ini juga turut menyentuh aspek-aspek ekonomi antarabangsa bermula dari Edinburgh, Manchester, London, Bombay, Burma sehinggalah ke Borneo Utara yang diterajui oleh *Wallace Brothers* sejak era 1880-an lagi.<sup>13</sup>

Apa yang lebih penting, penulisan ini juga turut menyentuh mengenai sejarah awal dan hierarki dalam keluarga British tersebut. Latar belakang secara ringkas mengenai kehidupan keluarga Wallace turut melengkap dan dimuatkan dalam karya ilmiah ini. Secara tidak langsung, kajian ini mampu memberikan gambaran awal mengenai keluarga Wallace khususnya terhadap *Wallace Brothers* yang telah menceburi dunia perdagangan di barat sehingga berkembang pesat ke Borneo Utara. Umumnya, kajian ini sememangnya dilihat amat signifikan terutamanya dalam menganalisis perkembangan perdagangan *Wallace Brothers* sehingga berjaya membuka dan mengusahakan operasi pembalakan di Wallace Bay pada era 1950-an.

Sungguhpun demikian, penulisan ini hanya menceritakan operasi pembalakan di Wallace Bay yang dikendalikan oleh *Wallace Brothers* dalam ruang lingkup yang sangat minimum. Apatah lagi, kajian yang diimplementasikan oleh penulis hanya merangkumi tahun 1880 sehingga tahun 1972 sahaja. Oleh yang demikian, aktiviti ekonomi khususnya operasi pembalakan di Wallace Bay sejak tahun 1973 sehingga tahun 1985 langsung tidak disentuh dalam kajian ini. Malah, kajian ini secara umumnya lebih banyak memperincikan mengenai aktiviti ekonomi yang diceburi oleh *Wallace Brothers* di Bombay dan juga Burma berbanding di Borneo Utara khususnya di Wallace Bay.

Namun begitu, penulisan ilmiah ini tidak dinafikan sangat relevan diaplikasikan dalam mengkaji sejarah ekonomi Wallace Bay terutamanya menerusi aktiviti pembalakan era 1954-1972 yang diterajui oleh *Wallace Brothers*. Di samping itu, kajian ini juga sangat signifikan dalam mengkaji sejarah awal penubuhan petempatan di Wallace Bay. Sedikit latar belakang *Wallace Brothers* dalam penulisan ini juga tidak dinafikan turut membantu dalam menyempurnakan kajian seterusnya. Secara

---

<sup>13</sup> *Ibid.*, hlm. 7.



keseluruhannya, kajian secara kronologi yang dihasilkan oleh Pointon A.C. ini realitinya amat penting diaplikasikan sebagai antara bahan ilmiah yang wajar untuk dirujuk dalam menyempurnakan kajian mengenai sejarah petempatan Wallace Bay.

Bukan itu sahaja, kajian dan hasil penulisan yang telah disumbangkan oleh Lane J.F.<sup>14</sup> pada tahun 1977 juga tidak kurang pentingnya. Dalam kajian ini, fokus utama adalah terhadap aktiviti-aktiviti di pelabuhan dan ekspedisi perkapalan di Sabah. Penulis juga turut menyenaraikan tempat-tempat utama dalam ekspedisi perkapalan. Antaranya ialah Pulau Sebatik (Malaysia-Indonesia) iaitu yang berpangkalan di Wallace Bay.<sup>15</sup> Selain daripada itu, Kudat, Sandakan dan Teluk Darvel di Lahad Datu juga turut disenaraikan sebagai pelabuhan-pelabuhan yang beroperasi dengan pesat serta menjadi tempat persinggahan bagi kapal-kapal milik British untuk berlabuh. Walaubagaimanapun, penulisan ini tidak menyentuh mengenai ekspedisi perkapalan dan aktiviti pelabuhan Wallace Bay secara lebih terperinci. Begitu juga dengan sejarah awal penubuhan petempatan ini turut tidak dinyatakan. Sungguhpun demikian, kajian ini juga tidak dinafikan sangat penting dijadikan sebagai bahan rujukan asas kerana turut menyentuh serba sedikit perihal ekonomi dan sosial melalui aktiviti perkapalan serta aktiviti di pelabuhan Wallace Bay.

Kajian yang dijalankan oleh Padasian, J.M.<sup>16</sup> pada tahun 1981 juga adalah antara bahan rujukan yang signifikan dalam mengimplementasikan kajian di Wallace Bay. Secara keseluruhannya, kajian ini lebih memfokuskan kepada sejarah awal negeri Sabah. Umumnya, kajian yang dilaksanakan bermula daripada Sabah di bawah pemerintahan kolonial British sehinggalah Sabah mencapai kemerdekaan. Kajian ini juga turut melibatkan daerah-daerah yang terdapat di seluruh Sabah dan salah satu daripadanya adalah daerah Tawau. Dalam penyelidikan ini, pengkaji juga turut menjelaskan serba sedikit latar belakang mengenai Tawau. Tawau merupakan sebuah

<sup>14</sup> Lane, J.F., *Lloyd's Maritime Atlas: Including A Comprehensive List of Ports and Shipping*, London: Lloyd's of London Press Shipping, 1977.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 79-80.

<sup>16</sup> Padasian, J.M., *Sabah History in Pictures 1881-1961*, Kota Kinabalu: The Sabah Centenary Publications Committee, 1981.



daerah yang terkenal dengan ladang balaknya dan tidak dinafikan kayu balak juga merupakan antara sumber ekonomi terpenting pada ketika itu.<sup>17</sup>

Walaupun bagaimanapun, kajian ini hanyalah mengupas serba sedikit mengenai sejarah Tawau dan tidak menyentuh mengenai sejarah Wallace Bay di Pulau Sebatik. Sungguhpun demikian, tidak dinafikan kajian ini juga penting untuk mengetahui serba sedikit sejarah Tawau iaitu daerah terletak lokasi kajian yang bakal dilakukan. Bukan itu sahaja, kajian yang dilakukan juga turut diberikan penerangan sejarah beserta gambar oleh penyelidik. Secara tidak langsung, kajian ini turut memberikan gambaran awal mengenai Tawau sebagai sebuah daerah yang kaya dengan sumber ekonomi balaknya pada ketika itu.

Kajian yang diimplementasikan oleh Lujinah Zuraidah Timbun<sup>18</sup> pada tahun 1988 juga tidak dinafikan amat penting untuk diaplikasikan dalam mengkaji sejarah petempatan Wallace Bay. Kajian ini memfokuskan kepada perusahaan pembalakan yang terdapat di Borneo Utara sejak 1880-an lagi iaitu sebelum perang dunia kedua berlaku. Secara umumnya, kajian ini sesuai dijadikan sebagai bahan rujukan yang boleh menjadi garis panduan dalam menghasilkan kajian ekonomi di Wallace Bay iaitu menerusi aktiviti pembalakan. Malah, kajian ini juga turut memfokuskan kepada sejarah awal pembentukan Syarikat Pembalakan Borneo iaitu sebuah syarikat yang telah diberikan konsesi pembalakan oleh SBBUB pada tahun 1920 untuk mengusahakan sumber-sumber kayu balak di seluruh Sabah selama dua puluh lima tahun yang terkandung dalam Perjanjian 1920 serta *Memorandum of Association* BNB.<sup>19</sup>

---

<sup>17</sup> *Ibid.*, hlm. 45.

<sup>18</sup> Lujinah Zuraidah Timbun, *Sejarah Perusahaan-perusahaan Pembalakan di Negeri Sabah (Borneo Utara) Sebelum Perang Dunia Kedua 1881-1941*, Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan UKM, 1988.

<sup>19</sup> *Ibid.*, hlm. 71.



Selain daripada itu, kajian ini juga turut menyentuh mengenai pengurusan dan penyeliaan operasi pembalakan semasa pentadbiran SBBUB dari segi penjagaan hutan serta pentaksiran kadar royalti.<sup>20</sup> Tidak dinafikan, pengurusan dan penyeliaan operasi pembalakan semasa pentadbiran SBBUB turut dilaksanakan di seluruh kawasan pembalakan yang terdapat di Sabah termasuklah di Wallace Bay yang diterajui oleh Syarikat The North Borneo Timbers Berhad sejak tahun 1950-an. Oleh yang demikian, kajian ini sememangnya sangat relevan untuk diaplikasikan dalam membuat kajian seterusnya di Wallace Bay apatah lagi yang bersangkutan-paut dalam operasi pembalakan.

Walaubagaimanapun, secara spesifikasinya, kajian ini lebih memfokuskan kepada sejarah Syarikat Pembalakan Borneo sebelum perang dunia kedua berlaku. Realitinya, kajian ini juga hanya menyentuh mengenai Syarikat The North Borneo Timbers Berhad dalam skop yang terlalu kecil dan pada tahap yang terlalu minimum. Malah, ruang lingkup yang mendasari kajian ini juga bermula pada tahun 1881 dan berakhir pada tahun 1945. Oleh sebab itu, skop masa dalam kajian ini secara tidak langsung turut membataskan perolehan ataupun dapatan kajian untuk diaplikasikan dalam sejarah Wallace Bay. Meskipun demikian, kajian yang berbentuk sejarah ekonomi ini tidak dinafikan perlu dijadikan antara bahan rujukan untuk menyempurnakan kajian seterusnya kelak. Apa yang lebih penting, kajian ini juga dilihat relevan penggunaannya dalam menghasilkan sejarah ekonomi di Wallace Bay khususnya menerusi aktiviti pembalakan sewaktu pentadbiran SBBUB di bawah Syarikat The North Borneo Timbers Berhad.

Sebuah lagi kajian yang dihasilkan pada tahun 1988 juga tidak dinafikan mempunyai kepentingan tersendiri untuk diaplikasikan dalam sejarah petempatan Wallace Bay. Kajian yang diimplementasikan oleh Mohd. Ariff Bin Dato' Hj. Othman<sup>21</sup> ini tidak dinafikan sangat signifikan dalam sejarah Wallace Bay dan Pulau Sebatik khususnya menerusi sejarah persempadanan yang terangkum dalam wilayah yang menjadi tuntutan bagi kerajaan Filipina. Secara umumnya, kajian ini lebih menyentuh

<sup>20</sup> *Ibid.*, hlm. 8.

<sup>21</sup> Mohd. Ariff Bin Dato' Hj. Othman, *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-undang Dan Politik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988.



kepada isu-isu berkaitan dengan tuntutan Filipina ke atas seluruh wilayah tanah jajahan British dahulu iaitu Borneo Utara yang didakwa sebagai hak kewilayahan dan kedaulatan mereka sebagai "waris Sultan Sulu". Menerusi kajian ini, penulis turut menyentuh mengenai wilayah-wilayah yang menjadi pertikaian antara dua buah negara iaitu Malaysia dan Filipina secara lebih terperinci. Wilayah seluas kira-kira 29 388 batu persegi yang menjadi tuntutan kerajaan Filipina ke atas Sabah adalah merangkumi Residensi Pantai Barat, Pedalaman, Sandakan dan juga Tawau yang termaktub dalam pemberian dan pentauliahahan Sultan Mukmin, Temenggung Brunei serta Sultan Al-Alam Sulu kepada Gustavus Baron de Overbeck bersama Alfred Dent.<sup>22</sup>

Secara umumnya, walaupun kajian ini lebih memfokuskan tuntutan Filipina ke atas Sabah namun kajian ini juga turut mengandungi isu-isu persempadanan antara Inggeris dan Belanda yang akhirnya turut mendorong kewujudan beberapa perjanjian dan konvensyen antara kedua-dua pihak. Antaranya ialah Perjanjian Inggeris-Belanda 1824 dan juga Konvensyen 1891. Secara tidak langsung, triti dan konvensyen persempadanan tersebut telah membentuk persempadanan antara wilayah milik Belanda di Borneo dengan wilayah milik negeri naungan British di pulau yang sama iaitu bermula dari garisan lintang 4° 10' utara di pantai timur Borneo dan seterusnya memanjang ke timur menerusi Pulau Sebatik.<sup>23</sup> Oleh yang demikian, kajian ini sangat relevan untuk diaplikasikan dalam sejarah Wallace Bay di Pulau Sebatik terutamanya mengenai kedudukan geografi lokasi kajian sebagai sebuah petempatan yang terletak dalam sempadan antarabangsa Malaysia-Indonesia.

Sungguhpun demikian, kajian ini realitinya hanya memfokuskan kepada tuntutan Filipina ke atas Sabah dan isu-isu serta triti mengenai persempadanan sahaja. Kajian ini sememangnya tidak mengandungi mana-mana aspek yang berkaitan dengan pembangunan sosial mahupun aktiviti ekonomi yang mengkhususkan kepada Wallace Bay. Apatah lagi mengenai sejarah awal dan asal-usul mengenai petempatan tersebut. Walaubagaimanapun, kajian ini sedikit sebanyak dapat diaplikasikan dalam kajian yang

---

<sup>22</sup> *Ibid.*, hlm. 2.

<sup>23</sup> *Ibid.*, hlm. 24.





## RUJUKAN

### Fail Dan Rekod

- C.F. Circular No. 1/68 & 1/81: Mengukur Kayu Untuk Taksiran Royalti.* Pejabat Perkapalan Wallace Bay.
- C.F. Circular No.7/68: Mengukur Kayu Untuk Mengira Nilai Cukai.* Profil Pejabat Perkapalan Wallace Bay.
- George K.M. Tiada tahun. *Sejarah Rengkas Tawau (Tawau file).* Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- History And Antiquity Division Sabah Museum. Tiada Tahun. *Wallace Bay And Wallace Brothers.* Kota Kinabalu: Muzium Sabah.
- North Borneo Forest Records No.1: *North Borneo Standard Grading Rules.* 1961. Singapore: Government Of Colony of North Borneo.
- Penyata Murid, Guru & Sekolah S.R.J.K Wallace Bay (Januari-November 1979)
- Penyata Murid, Guru & Sekolah S.R.J.K Wallace Bay (Januari-November 1980)
- Penyata Murid, Guru & Sekolah S.R.J.K Wallace Bay (Januari-November 1982)
- Penyata Murid, Guru & Sekolah S.R.J.K Wallace Bay (Januari-November 1983)
- Penyata Murid, Guru & Sekolah S.R.J.K Wallace Bay (Januari-November 1984)
- Penyata Murid, Guru & Sekolah S.R.J.K Wallace Bay (Januari-November 1985)
- Profil Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah, Cawangan Tawau.
- Profil Pejabat Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK) Wallace Bay, Pulau Sebatik, Tawau.
- Profil Jabatan Penjualan dan Perkapalan (*Sales & Shipping Department*). 1964. Pejabat The North Borneo Timbers Berhad.
- Profil Jabatan Penjualan & Perkapalan (*Sales & Shipping Department*). 1969. Pejabat Perkapalan Wallace Bay.
- Profil Jabatan Pentadbiran (*Administration Department*). 1964. Pejabat The North Borneo Timbers Berhad.



- Profil Jabatan Pentadbiran (*Administration Department*). 1972. Pejabat The North Borneo Timbers Berhad.
- Profil S.K. Wallace Bay, Tawau. 1997.
- Profil S.K. Wallace Bay, Tawau. 1999.
- Rekod Guru S.R.J.K. Wallace Bay, Pulau Sebatik (1960/1961).
- Rekod Guru S.R.J.K Wallace Bay, Pulau Sebatik (1969/70).
- Rekod Tahunan Aktiviti Pelajar Sekolah Gabongan Wallace Bay, Tawau (1980/1981).
- Senarai Bilangan Murid, Kelas & Guru, Borang BMKG, S.R.J.K. Wallace Bay. 1984.
- The North Borneo Timbers Berhad: Thirteenth annual report and statement of Accounts (1964)*. Kuala Lumpur:Turquands, Young & Co.
- Wallace Bay, Tawau State of Sabah Malaysia: Port of Wallace Bay General Information.* (1964-1981).
- Wallace Bay Sdn. Berhad: Port of Wallace Bay General Information.* 1964.
- Wallace Bay Sdn. Berhad: Port of Wallace Bay General Limited.* 1965.

## BUKU

- Great Britain Army Royal Green Jackets Brigade. 1967. *The Royal Green Jackets Chronicle (vol. 2)*. Michigan: University of Michigan.
- Greg Kennedy. 2005. *British Naval Strategy East of Suez 1900-2000: Influences and Actions*. United States: Inc Net Library.
- Kamus Dewan. 1994. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lane, J.F. 1977. *Lloyd's Maritime Atlas: Including A Comprehensive List of Ports and Shipping*. London: Lloyd's of London Press Shipping.
- Mohd. Ariff Bin Dato' Hj. Othman. 1988. *Tuntutan Filipina Terhadap Sabah: Implikasi Dari Segi Sejarah, Undang-undang Dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Raduan B. Mohd. Arif. 1999. *Dari Pemungutan Teripang ke Penundaan Undang: Sejarah Perkembangan Perusahaan Perikanan di Borneo Utara 1750-1990*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.



- Nicholas Chung. 2005. *Under the Borneo Sun: A Tawau Story*. Kota Kinabalu: Natural History Publications (Borneo).
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2003. *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Padasian, J.M. 1981. *Sabah History in Pictures 1881-1961*. Sabah Sates Government: The Sabah Contenary Publicatons Committee.
- Pointon, A.C. 1964. *The Bombay Burmah Trading Corporation Limited 1863-1963*. Michigan: Millbrook Press.
- Tregonning, K.G. 1965. *North Borneo*. California: H.M. Stationery Off.
- Small, D.S. & James, H.D. 1971. *The Undeclared War: The Study of The Indonesian Confrontation 1962-1966*. United Kingdom: Leo Cooper.
- Suraya Sintang. 2007. *Sejarah & Budaya Bugis Di Tawau Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Bugis Sabah (PKBS).
- Syed Othman Syed Omar. 1999. *Tentera Malaysia Dalam Era Konfrontasi*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **Latihan Ilmiah**

- Lujinah Zuraidah Timbun. 1988. *Sejarah Perusahaan-perusahaan Pembalakan di Negeri Sabah (Borneo Utara) Sebelum Perang Dunia Kedua 1881-1941*. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah Fakulti Sains Kemasyarakatan & Kemanusiaan UKM.

### **Laporan Dan Minit Mesyuarat**

- Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Majlis-majlis Perbandaran & Majlis-majlis Daerah Negeri Sabah. 1997. Yang Pertama Bagi Tahun 1997*. Sabah: Tawau, 29 Mac-31 Mac.
- Davis John M.G & Grant McGregor Thom. 1969. *The North Borneo Timbers Berhad: Twentieth Annual Report & Statement of Accaunts*. Kuala Lumpur: Turquand, Youngs & Co.



## Majalah

Borneo Mail. 1996. *Barter Trade Center Plan for Sebatik Island*.

*Makalah Sekolah Gabongan Wallace Bay* 1981.

*Aspirasi SMK Wallace Bay* 1999. 2000. Tawau: Gayawara Sdn. Bhd.

## Temubual

Ahmad Bin Basin. 2008. 75 tahun. 4 Disember 2008.

Abas Bin Laduk. 2008. 69 tahun. 28 Januari.

Abdul Rahman Bin Sudin. 2008. 46 tahun. 15 Jun.

Aras Bin Muhamad. 2008. 51 tahun. 9 Disember.

Baharun Bin Majid. 2008. 65 tahun. 12 Disember.

Chilla Binti Nanu. 2009. 73 tahun. 1 Januari.

Damsani Ambatal. 2008. 55 tahun. 22 Disember.

Jaini Bin Basrun. 2008. 61 tahun. 20 Jun.

Korolus Raya. 2008. 76 tahun. 3 Disember.

Mitius Pitrus. 2009. 70 tahun. 27 Februari.

